

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN
A/L M PARAMESWARAN [BATU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pandangan Kementerian terhadap rumah kos rendah yang bersaiz 500 kaki persegi yang dilihat terlalu kecil untuk menampung kapasiti satu keluarga. Adakah Kementerian berhasrat untuk melakukan pembangunan semula untuk rumah-rumah yang terlalu kecil ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut bersetuju dengan kenyataan YB Batu bahawa rumah kos rendah bersaiz 500kps adalah terlalu kecil dan tidak kondusif bagi kediaman sebuah keluarga.
2. Sehubungan itu, KP KT melalui Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM) telah menetapkan keluasan minimum ideal bagi Rumah Mampu Milik (termasuklah rumah kos rendah) ialah 900kps. DRMM merupakan dasar yang dibangunkan dengan mengambil kira prinsip kemakmuran bersama dan inisiatif pembangunan RMM untuk semua.
3. Pada masa yang sama, pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) juga telah melancarkan *standard* yang wajar dipatuhi oleh penggiat industri perumahan iaitu Standard Industri Pembinaan - Standard Perumahan Kebangsaan (CIS 26:2019). Standard tersebut juga telah menggariskan panduan reka bentuk dan keluasan minimum yang berdaya huni bagi perumahan mampu milik.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KP KT memohon supaya semua Kerajaan Negeri serta pihak swasta dapat memberikan kerjasama untuk mematuhi penetapan keluasan DRMM dan CIS 26:2019.
5. Berhubung pembangunan semula rumah-rumah sedia ada, perkara ini tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan peruntukan kewangan yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.